

MANDALA DAN KEMENJADIAN DIRI PENUTUR BAHASA BHUKET DI BELAGA SARAWAK,

Oleh Dr. Zainal Abiddin bin Masleh

Pengenalan

Bahasa merupakan alat yang digunakan oleh sesebuah komuniti masyarakat untuk berkomunikasi sesama mereka untuk menyampaikan dan menerima maklumat. Oleh itu bahasa merupakan cerminan akal budi atau pemikiran. Adalah mustahil bagi sesebuah masyarakat untuk berkomunikasi tanpa menggunakan bahasa. Perkembangan globalisasi menjadikan bahasa perlu bersaing dan senada mengikut arus yang sama tetapi perlu mengekalkan keaslian dan ketulenan. Dalam masyarakat yang multibahasa, persaingan bahasa merupakan fenomena biasa dalam hubungan sosial. Weinreich (1986), dan Giglioli (1990), menjelaskan persaingan yang terjadi antara bahasa peribumi, bahasa kebangsaan dan bahasa asing menjadikan kekhawatiran punahnya sesuatu bahasa bukan sesuatu yang berbentuk andaian atau tanggapan. Peccei (1999), menegaskan bahawa kebanyakan bahasa yang ada di dunia mempunyai perbezaan yang jelas kerana peranan bahasa sebagai wahana utama dalam memenuhi tuntutan kehidupan bagi menyampaikan ekspresi dan maksud. Menurut Asmah Hj Omar (1988), bahasa tidak dapat dipisahkan daripada orang yang menuturkannya. Sungguhpun kewujudan pertuturan itu adalah hasil kegiatan seseorang sebagai individu, tetapi bahasa tidak wujud dalam sesebuah masyarakat jika tidak digunakan oleh sekumpulan individu dalam hubungan mereka antara satu sama lain.

Etnik Bhuket

Kajian terhadap etnik Bhuket begitu terbatas baik oleh pengkaji tempatan mahupun pengkaji luar. Hanya kajian oleh Shanti Thambiah (1995), seperti diperjelaskan sebelum ini merupakan kajian yang bersifat akademik dijalankan. Oleh itu bahan dan sumber masyarakat etnik Bhuket banyak diperoleh melalui kajian lapangan dan sesi temu duga dengan Maren Uma dan golongan tua di Uma Bhuket, Sungai Asap Belaga.

Etnik Bhuket merupakan antara etnik minoriti yang terkecil yang terdapat di negeri Sarawak. Mereka telah berpindah daripada petempatan asal di tebing Sungai Balui iaitu di Long Ayak bagi memberi laluan terhadap pembinaan Projek Hidro Elektrik Bakun. Jumlah penduduk etnik Bhuket hanya seramai 469 orang yang mewakili 53 keluarga atau pintu rumah panjang berdasarkan tinjauan dan sumber daripada Pejabat Daerah Kecil Sungai Asap, Jan 2010, Belaga. Ini bermakna etnik Bhuket hanya mewakili 3.9 peratus daripada penduduk di Sungai Asap. Hanya satu-satunya rumah panjang Bhuket di Sarawak terdapat di Sungai Asap Belaga.

Etnik Bhuket berasal dari Mahakam Kalimantan Timur dan Kapuas di Kalimantan Barat. Menurut Summer Institute of Linguistic (SIL) bahasa Ukit (Bhuket) juga terdapat di kawasan Kapuas Hulu, Kalimantan yang dianggarkan seramai 400 orang yang mendiami dua buah kampung iaitu kampung Mate Lunai dan Nanga Uyat.

Etnik Bhuket datang ke Sarawak dan membentuk petempatan di daerah Belaga sekitar tahun 1870-an melalui sungai Kapuas di Kalimantan Indonesia iaitu ketika pemerintahan James

Brooke dan Charles Brooke 1890-an. Kedatangan etnik Bhuket disebabkan dua faktor utama iaitu desakan sosioekonomi yang tidak menentu terutamanya di Kalimantan dan juga melarikan diri daripada masalah permusuhan dan peperangan yang sering berlaku dengan suku yang lain.

Pada tahun 1950-an mereka telah berpindah lagi dan membina rumah panjang yang kekal di Long Ayak dan akhirnya petempatan ini disebut sebagai Uma Bhuket Long Ayak. Pada tahun 1963 telah diadakan majlis perdamaian antara kaum yang sering bertelagah di Daerah Belaga dan dikenali sebagai majlis *petutong atau betutong* yang memastikan semua kaum di Daerah Belaga memberi persetujuan perdamaian dan mewujudkan suasana aman. Mereka telah bersepakat untuk menjadikan aktiviti *regata* lumba perahu sebagai medan menguji kekuatan atau kehandalan. Pada tanggal 10 September 1998 telah melakar sejarah serta dimensi baharu etnik Bhuket kerana mereka perlu berpindah ke Petempatan Penduduk Sungai Asap, Belaga bagi memberi laluan terhadap pembinaan Empangan projek Hidroelektrik Bakun.

Objektif Kajian

Kajian ini untuk mengenal pasti dan menganalisis sikap dan mandala pemilihan bahasa etnik bhuket yang merupakan subetnik bangsa Kajang di Daerah Belaga, Sarawak. Dapatan kajian ini sangat penting untuk pelestarian bahasa Bhuket kerana jumlah penutur yang sedikit serta sentiasa dihimpit oleh pemodenan dan urbanisasi. Kepupusan bahasa merupakan sesuatu yang amat merugikan terhadap tamadun dan peradaban sesebuah bangsa seterusnya impak terhadap bahasa Melayu. Secara khusus kajian ini adalah untuk menganalisis sikap terhadap pemilihan dan pelestarian bahasa Bhuket.

Pernyataan Masalah Kajian

Sikap penutur dan tanggapan mereka terhadap bahasa ibunda yang menentukan jangka hayat sesuatu bahasa. Menurut Gumperz (1972), faktor sikap sebagai punca berlakunya fenomena ini kerana tekanan daripada bahasa komuniti yang lebih dominan atau majoriti. Kumpulan minoriti secara perlahan-lahan meninggalkan budaya dan bahasa ibunda mereka lalu berganjak menguasai budaya dan bahasa kumpulan yang majoriti dan lebih dominan. Pergeseran bahasa perlu diberi perhatian khususnya apa yang dialami bahasa-bahasa peribumi yang jumlah penuturnya yang sangat sedikit kerana ketahanan sesuatu bahasa itu akhirnya terletak kepada sikap penutur bahasa tersebut.

Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan etnolinguistik untuk mengungkapkan unsur kehidupan sosial, maka penelitiannya wajar dapat menghubungkan bahasa dengan budaya kehidupan. Kenyataan ini disokong oleh Hymes (1971), yang menyatakan bahawa melalui etnolinguistik dapat dikaji bagaimana bentuk linguistik yang dipengaruhi oleh aspek budaya, sosial, mental, dan psikologi. Menurut Kridalaksana (1983), etnolinguistik ialah cabang linguistik yang menyelidiki hubungan antara bahasa dan masyarakat pedesaan atau masyarakat yang belum mempunyai tulisan atau cabang linguistik yang menyelidiki hubungan bahasa dan sikap pengguna bahasa.

Spradley dalam Elizabeth (1997), berpendapat bahawa setiap bahasa mempunyai banyak istilah yang digunakan oleh masyarakat bagi merujuk hal-hal yang mereka alami dan di sekitar mereka. Dapat diperjelaskan bahawa penelitian etnolinguistik mampu mengkaji bentuk linguistik yang mengungkapkan unsur kehidupan sosial serta menghubungkan bentuk bahasa dengan kehidupan seharian.

Lokasi kajian

Kajian ini melibatkan etnik Bhuket yang hanya mendiami Daerah Belaga, Sarawak yang terdapat di:

- i. Uma Ukit, Sungai Asap, Belaga.
- ii. SM Bakun, Sungai Asap, Belaga.
- iii. SK Long Gang, Sungai Asap Belaga.
- iv. Pejabat Daerah Kecil Sungai Asap, Belaga

Sikap Penutur Bahasa

Menurut Mohd.Yusof (2000) istilah sikap dan sikap bahasa mempunyai pengertian yang berbeza. Oleh itu, takrifan istilah perlu diperjelaskan bagi mengelak daripada sebarang salah tanggapan dalam penganalisan nanti. Secara umumnya sikap merupakan konsep yang berkaitan dengan penilaian positif atau negatif. Kuper (1996) menjelaskan sikap merupakan sesuatu yang berkaitan dengan penilaian afektif yang melibatkan perasaan positif atau negatif:

“...Sikap merupakan sesuatu yang berhubungan dengan penilaian afektif. Sikap menggambarkan penilaian positif atau negatif yang dapat kita hubungkan dengan berbagai-bagai entiti, umpamanya individu, kumpulan, objek, tindak balas dan institusi...”

Manakala menurut Cooper dan Fishman (1974) sikap bahasa dan sikap lain dapat dibezakan dengan dua cara. Pertama berdasarkan kelainan yang ada pada bahasa tersebut dan kedua berdasarkan kepentingannya contohnya sikap bahasa mempengaruhi perlakuan bahasa dan bagaimana sikap bahasa mempengaruhi perlakuan terhadap bahasa.

Oleh itu, Cooper dan Fishman (1974) telah merumuskan dengan mengemukakan empat contoh sikap bahasa:

- i. Sikap bahasa itu sendiri.
- ii. Sikap terhadap fitur atau ciri bahasa.
- iii. Sikap terhadap kegunaan atau fungsi bahasa.
- iv. Bahasa sebagai jati diri atau lambang kumpulan tertentu.

Pemilihan dan sikap bahasa terjadi dalam masyarakat yang mengamalkan atau mempunyai pelbagai pilihan bahasa atau disebut juga sebagai multilingual. Pemilihan bahasa dikaji berdasarkan aspek mandala iaitu melalui situasi sosial yang terlibat serta situasi peralihan dan percampuran kod manakala sikap bahasa dapat dinilai melalui sikap terhadap kepelbagaian bahasa serta sikap penutur terhadap kepelbagaian itu.

Sikap bahasa memainkan peranan penting dalam menentukan sama ada pengekalan atau kepupusan sesuatu bahasa di samping faktor- faktor lain yang terlibat. Sesuatu bahasa tidak akan pupus jika terdapat ketaatan atau kesetiaan kepada bahasa ibunda sendiri. Oleh itu, pengkaji akan menggunakan lima jenis mandala utama yang mendasari kehidupan masyarakat Bhuket bagi mengidentifikasikan tahap dan sikap bahasa mereka. Lima mandala tersebut ialah mandala kekeluargaan, mandala kejiranan, mandala kemasyarakatan mandala keagamaan dan mandala sendiri. Asas kepada pemilihan mandala atau domain bersandarkan teori domain oleh Fishman (1972).

Analisis Sikap Terhadap Pemilihan Bahasa Etnik Bhuket

Pengkaji telah memilih 120 orang responden yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur, latar belakang pendidikan, serta status sosial seperti yang disarankan oleh Grimes (2000). Jadual 4.1 memaparkan bilangan umur responden berdasarkan pengelompokan umur mereka serta menjelaskan pengelasan umur dan status responden etnik Bhuket.

Kumpulan BKT 1 ialah responden yang berumur antara 6 hingga 19 tahun iaitu seramai 29 orang yang terdiri daripada 12 orang lelaki dan 17 orang perempuan. Kumpulan BKT 2 pula ialah responden yang berumur 20 hingga 39 tahun iaitu seramai 29 orang. Berdasarkan status, 7 orang ialah bujang dan 22 orang berkahwin. Kumpulan BKT 3 pula adalah responden yang berumur 40 hingga 69 tahun iaitu seramai 51 orang. Berdasarkan status, 2 orang responden adalah bujang, seorang janda dan 52 orang berkahwin. Kumpulan BKT 4 seramai 11 orang responden yang berumur 70 tahun dan kesemuanya telah berkahwin.

Jadual 1: Pengelasan Umur dan Status Responden Etnik Bhuket

4.1.1 Mandala Kekeluargaan

Bil.	Umur	Kumpulan	Bilangan Orang	Status	Jantina
1.	6-19 tahun	BKT 1	29	29- bujang	L-12 P-17
2.	20-39 tahun	BKT 2	29	7- bujang	L-3 P-4
				22 - kahwin	L-8 P-12
3.	40-69 tahun	BKT 3	51	2- bujang	P-2
				1- janda	P-1
				52- kahwin	L-35 P-17
4.	70 tahun ke atas	BKT 4	11	11- kahwin	L-8 P-3

Keluarga merupakan entiti masyarakat yang saling berhubung antara satu sama lain dan terikat dengan talian persaudaraan atau pertalian darah. Oleh itu, pemilihan bahasa dalam mandala kekeluargaan melibatkan anggota keluarga seperti datuk, nenek, ibu, ayah, adik-beradik, anak cucu serta saudara mara. Topik perbincangan lebih terdorong kepada isu-isu ringan dan santai yang terbatas pada ruang lingkup kehidupan seharian. Untuk menganalisis

Nombor soalan dan soalan		BKT	BKH	BKN	BM	BIB	Bil. / (%)	Jumlah Responden
1.	Berkomunikasi dengan datuk dan nenek.	97	6	11	2	4	Bil.	120
		80.8	5.0	9.16	1.6	3.3	%	100%
2.	Berkomunikasi dengan ibu dan ayah.	120	-	-	-	-	Bil.	120
		100	-	-	-	-	%	100%
3.	Berkomunikasi dengan	77	4	9	2	1	Bil.	93

	ipar.	82.7	4.30	9.6	2.1	1.0	%	100%
4.	Berkomunikasi dengan mentua.	67	6	9	2	1	Bil.	85
		78.8	7.06	10.5	2.3	1.1	%	100%
5.	Berkomunikasi dengan suami isteri	81	-	2	1	1	Bil.	85
		100	-	2.35	1.1	1.1	%	100%
6.	Berkomunikasi dengan saudara mara.	92	6	16	2	4	Bil.	120
		76.6	5.0	13.3	1.6	3.3	%	100%
7.	Bercakap dengan adik-beradik.	120	-	-	-	-	Bil.	120
		100	-	-	-	-	%	100%
8.	Ketika makan malam bersama keluarga.	120	-	-	-	-	Bil.	120
		100	-	-	-	-	%	100%
9.	Kebanyakan panggilan keluarga dalam bahasa	120	-	-	-	-	Bil.	120
		100	-	-	-	-	%	100%
10.	Ketika berkomunikasi dengan biras	63	6	7	2	1	Bil.	79
		79.7	7.5	8.8	2.5	1.2	%	100%
11.	Ketika berkomunikasi dengan besan	44	4	8	3	2	Bil.	44
		72.1	6.5	13.1	4.9	3.2	%	100%

mandala kekeluargaan ini pengkaji telah mengemukakan 11 item bagi menjelaskan manifestasi sikap sebenar penutur etnik Bhuket.

Jadual 2: Pemilihan Bahasa Bhuket dalam Mandala Kekeluargaan

BKT- Bahasa Bhuket, BKH- Bahasa Kenyah, BKN- Bahasa Kayan, BM- Bahasa Melayu, BIB- Bahasa Iban

Pemilihan bahasa mandala kekeluargaan dalam Jadual 2 jelas menunjukkan ketika responden berkomunikasi dengan datuk dan nenek, etnik Bhuket masih kuat mempertahankan penggunaan bahasa mereka. Golongan tua yang tidak terdedah dengan persekitaran moden dan sukar menerima perubahan pastinya kental mempertahankan bahasa mereka. Item 1, 80% komunikasi dengan nenek dan datuk menggunakan bahasa Bhuket, manakala 6% responden menggunakan bahasa Kenyah, 9% responden menggunakan bahasa Kayan, 2% responden menggunakan bahasa Melayu dan 4% responden menggunakan bahasa Iban. Walau bagaimanapun pengkaji mendapati berlakunya percampuran kod ketika berkomunikasi dengan datuk atau nenek terutama yang melibatkan perkahwinan campur, walaupun mereka tetap boleh bertutur dalam bahasa Bhuket. Menurut Michael Clyne (1991), datuk dan nenek menjadi wahana kelestarian penggunaan sesuatu bahasa secara turun temurun dan tidak terkecuali terhadap bahasa Bhuket. Oleh itu, penggunaan bahasa Bhuket ketika berinteraksi secara verbal dengan datuk dan nenek merupakan satu penghormatan terhadap mereka. Hal ini juga selari dengan pandangan Saville-Troike (2003), bahawa golongan tua biasanya memiliki status sosial yang tinggi dan penggunaan bahasa ibunda ketika berinteraksi merupakan suatu yang bersifat hormat dan sopan.

Item 2 pula menjelaskan satu lagi tahap perhubungan yang rapat apabila berinteraksi dengan ibu dan ayah telah membuktikan 100% responden menjelaskan bahawa mereka berkomunikasi dengan bahasa Bhuket. Faktor tinggal berkelompok di rumah panjang serta wujudnya peraturan tersirat, memastikan bahasa Bhuket digunakan sebagai bahasa rasmi ketika berada di rumah panjang tanpa mengira latar agama dan bangsa. Ikatan kekeluargaan yang rapat menjamin penguasaan bahasa ibunda yang baik.

Item 3 dan item 4 menunjukkan peratus pemilihan bahasa Bhuket ketika berkomunikasi masih tinggi. Walaupun wujudnya perkahwinan campur namun kesetiaan mereka terhadap bahasa Bhuket begitu tinggi. Hidup berkelompok di rumah panjang telah membentuk lingkaran tersendiri, 82% responden menggunakan bahasa Bhuket digunakan ketika berhubung dengan ipar dan 78% pula ketika berkomunikasi dengan mentua. Pemilihan bahasa Kayan sebanyak 9% oleh responden dan 10% responden menjadi bahasa perantaraan yang utama. Sesuai dengan peranan bahasa Kayan sebagai lingua franca di Daerah Belaga. Hampir 80% responden etnik Bhuket memilih pasangan hidup sesama mereka.

Ketika berinteraksi antara pasangan suami isteri seperti dalam item 5 membuktikan bahasa Bhuket merupakan bahasa komunikasi utama mereka. Peranan ibu bapa begitu besar dalam memastikan sesuatu bahasa terus berkembang dan dilestarikan. Pandangan ini seiring dengan kajian Jemali (2000), yang menyatakan ibu bapa cenderung menanamkan sikap yang serupa terhadap anak-anak mereka dalam pemilihan bahasa dan membentuk jati diri bangsa.

Item 6 pula menunjukkan 76.6% responden memilih berkomunikasi dalam bahasa Bhuket, 5% responden memilih berkomunikasi dalam bahasa Kenyah, 13.3% responden memilih berkomunikasi dalam bahasa Kayan, 1.6% responden memilih berkomunikasi dalam bahasa Melayu dan 3.3% responden memilih berkomunikasi dalam bahasa Iban. Pemilihan bahasa Kenyah, bahasa Kayan, bahasa Melayu dan bahasa Iban banyak dipengaruhi oleh faktor perkahwinan campur. Penggunaan bahasa Bhuket secara menyeluruh juga boleh dikenal pasti pada item 7, item 8 dan item 9. Sikap positif dan penerimaan terhadap bahasa menjadikan bahasa Bhuket terus lestari. Sikap jati diri ini mampu memastikan bahasa mereka tetap diterima dalam komunikasi kekeluargaan. Kenyataan ini seiring dengan pandangan Noriah dalam Norazah Ardi (2005), yang menjelaskan sikap perasaan cinta akan bahasa khususnya bahasa ibunda mewujudkan hubungan emosi antara bahasa dan penuturnya serta membentuk sikap setia bahasa.

Item 10 dan 11 pula memperlihatkan hubungan dan jalinan perkahwinan sesama etnik Bhuket banyak mempengaruhi pemilihan dan peralihan kod. Ketika berkomunikasi dengan biras hampir 80% responden menggunakan bahasa Bhuket manakala dalam komunikasi dengan besan pula 72% menggunakan bahasa Bhuket. Bahasa Kayan dan Kenyah hanya membentuk 17% ketika berkomunikasi dengan biras manakala 19% ketika berhubung dengan besan.

Uniknya etnik Bhuket ialah mereka menguasai bahasa Kenyah dan Kayan dengan baik tetapi sebaliknya belum pasti etnik Kenyah dan Kayan boleh bertutur dalam bahasa Bhuket berdasarkan maklumat responden.

Jadual 3: Peratus Pemilihan Bahasa Bhuket dalam Mandala Kekeluargaan

Mandala Kekeluargaan	BKT	BKH	BKN	BM	BIB
	90.5 %	2.8 %	5.6 %	1.2 %	1.2 %

Oleh kerana topik perbincangan biasanya berkisar mengenai kehidupan dan isu-isu setempat serta santai yang banyak mempengaruhi hubungan komunikasi, jelas menunjukkan bahawa sebanyak 90.5% responden menggunakan bahasa Bhuket dalam komunikasi semasa, manakala 5.6% responden berkomunikasi dalam bahasa Kayan, 2.8% responden berkomunikasi dalam bahasa Kenyah dan 1.2% responden komunikasi dalam bahasa Melayu dan bahasa Iban. Oleh itu ditemui perkataan yang sering digunakan dalam mandala kekeluargaan seperti [aki], makcik [ipuy], gelaran untuk datuk ialah [uku lola], nenek [uku doro], gelaran untuk sepupu [ari], gelaran untuk adik lelaki [ari lolo], adik perempuan [ari doro] begitu juga untuk gelaran aku [je] dan awak [kok].

Peranan mandala kekeluargaan yang disifatkan sebagai benteng kebal terhadap kelestarian sesebuah bahasa. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Sharifudin Yusop (2007) yang menyatakan mandala kekeluargaan dan keagamaan selalu menjadi batasan penyelamat terakhir sesuatu jangka hayat bahasa.

Mandala Kejiranan

Jadual 4: Pemilihan Bahasa Bhuket dalam Mandala Kejiranan

Nombor soalan dan soalan	BKT	BKH	BKN	BM	BIB	Bil. / (%)	Jumlah Responden
---------------------------------	------------	------------	------------	-----------	------------	-------------------	-------------------------

12	Ketika berkomunikasi dengan jiran yang lebih tua	120	-	-	-	-	Bil.	120
		100	-	-	-	-	%	100%
13	Ketika berkomunikasi dengan jiran yang bukan Bhuket	37	-	-	-	-	Bil.	37
		100	-	-	-	-	%	100%
14	Ketika berkomunikasi dengan anak jiran yang bukan Bhuket	21	-	-	-	-	Bil.	21
		100	-	-	-	-	%	100%

BKT- Bahasa Bhuket, BKH- Bahasa Kenyah, BKN- Bahasa Kayan, BM- Bahasa Melayu, BIB- Bahasa Iban

Tinggal dan menetap di rumah panjang secara tidak langsung telah mengikat hubungan kejiiran yang begitu rapat sesama penghuni. Konsep jiran adalah merujuk seluruh blok rumah panjang mereka. Rumah panjang Bhuket terdiri daripada 2 buah blok yang mempunyai 52 pintu atau bilik yang merujuk 52 keluarga. Mereka saling berhubung dan berinteraksi antara satu sama lain. Gambaran inilah yang digunakan oleh pengkaji untuk tujuan analisis data mandala kejiiran. Berdasarkan semua soalan yang dikemukakan iaitu item 12, item 13 dan item 14 jelas 100% etnik Bhuket memilih menggunakan bahasa Bhuket sepenuhnya ketika berkomunikasi dengan jiran yang lebih tua, dengan jiran yang bukan Bhuket dan anak jiran yang bukan etnik Bhuket. Keadaan ini dipengaruhi oleh kedudukan dan latar hidup mereka yang berkelompok dalam sebuah rumah panjang. Oleh itu, jiran mereka tetap daripada etnik atau rumah panjang yang sama. Oleh itu sering ditemui perkataan seperti petang [caho], rambut [kajan], sakit [miram] dan tinggal [hijuk] dalam perbualan seharian mereka. Pemilihan bahasa Bhuket keseluruhannya membuktikan bahasa Bhuket tetap diterima dan digunakan secara menyeluruh di rumah panjang kerana penerimaan konsep di mana menetap di situlah bahasanya.

Jadual 5: Peratus Pemilihan Bahasa Bhuket dalam Mandala Kejiiran

Mandala Kejiiran	BKT	BKH	BKN	BM	BIB
	100%	-	-	-	-

Penerimaan bahasa Bhuket sepenuhnya dalam komunikasi seharian dengan semua jiran di rumah panjang Bhuket membuktikan bahasa itu diterima dengan sepenuhnya. Berdasarkan Jadual5 jelas 100% pemilihan bahasa baik dalam komunikasi dengan jiran yang berbangsa Bhuket atau yang dari etnik lain. Pengkaji mendapati kewujudan jiran yang bukan daripada etnik Bhuket adalah melalui perkahwinan campur, antara etnik Bhuket dengan bukan etnik Bhuket. Apabila seseorang itu tinggal dan menetap maka secara tidak langsung seseorang itu

dianggap sebagai etnik Bhuket. Pandangan ini selari dengan Asmah Hj Omar (2002), yang menjelaskan sikap bahasa juga dipengaruhi persekitaran atau sekeliling.

Mandala Kemasyarakatan

Jadual 6: Pemilihan Bahasa Bhuket dalam Mandala Kemasyarakatan

Nombor soalan dan soalan		BKT	BKH	BKN	BM	BIB	Bil. / (%)	Jumlah Responden
15	Ketika bermesyuarat di rumah panjang.	120	-	-	-	-	Bil.	120
		100	-	-	-	-	(%)	100%
16	Ketika mengadakan gotong-royong di rumah panjang.	120	-	-	-	-	Bil.	120
		100	-	-	-	-	(%)	100%
17	Ketika berkomunikasi dengan bidan, bomoh, pawang	97	5	4	-	-	Bil.	106
		91.5	4.7	3.7	-	-	(%)	100
18	Ketika sambutan perayaan Gawai, Krismas atau tahun baharu.	94	8	13	3	2	Bil.	120
		78.3	6.6	10.8	2.5	1.6	(%)	100%
19	Kebanyakan alat yang digunakan dalam majlis adat resam disebut dalam bahasa.	120	-	-	-	-	Bil.	120
		100	-	-	-	-	(%)	100
20	Ketika majlis perkahwinan atau pertunangan	82	12	12	7	3	Bil.	120
		68.3	10.0	13.3	5.8	2.5	(%)	100%

BKT- Bahasa Bhuket, BKH- Bahasa Kenyah, BKN -Bahasa Kayan, BM- Bahasa Melayu, BIB- Bahasa Iban

Tinggal di rumah panjang pastinya dapat membentuk hubungan yang akrab antara penghuni apatah lagi hubungan kekeluargaan. Dalam masyarakat Bhuket hubungan kekeluargaan antara mereka begitu akrab kerana mereka telah hidup dalam ruang lingkup yang sama sejak turun temurun. Perkahwinan sesama mereka mengeratkan lagi hubungan ini. Untuk menganalisis mandala kemasyarakatan ini pengkaji telah memilih 6 item yang berkisar dalam hubungan kemasyarakatan untuk melihat tautannya dengan pemilihan bahasa Bhuket. Item 15 dan 16, jelas menunjukkan bahawa bahasa Bhuket digunakan secara meluas dan diterima oleh semua lapisan peringkat umur.

Penggunaan bahasa Bhuket ketika bermesyuarat dan mengadakan gotong royong mencapai tahap 100%, hal ini memberi keyakinan bahawa bahasa Bhuket kekal lestari. Manakala penyebutan peralatan dalam majlis adat resam kekal disebut dalam bahasa Bhuket secara keseluruhannya. Adat resam di sini adalah merujuk peralatan yang digunakan dalam adat istiadat menyambut kelahiran, pernikahan dan kematian.

Item 17 pula yang berkaitan ketika berkomunikasi dengan bidan, bomoh dan pawang masih kekal memilih bahasa Bhuket. Maklumat yang diperoleh responden menjelaskan bahawa tidak wujud istilah pawang atau bomoh mahupun bidan kerana mereka telah meninggalkan adat lama setelah menganuti agama Kristian. Mereka lebih mempercayai cara perubatan moden. Walau bagaimanapun perubatan tradisional tetap dilakukan dalam lingkaran keluarga. Jika memerlukan khidmat bomoh atau pawang mereka biasanya merujuk kepada pawang atau bomoh daripada kaum Kenyah atau Kayan. Jumlah 91.5% responden berkomunikasi dengan bidan, bomoh atau pawang dalam bahasa Bhuket manakala hanya 4.7% dalam bahasa Kenyah dan 3.7% dalam bahasa Kayan. Item 18 dan item 20 merujuk hubungan komunikasi berlaku dengan pihak luar terutamanya tetamu daripada etnik lain. Ketika sambutan Gawai, Krismas dan Tahun Baharu 78.3% menggunakan bahasa Bhuket, 6.6% menggunakan bahasa Kenyah, 10.8% menggunakan bahasa Kayan, 2.5% dalam bahasa Melayu dan 1.6% dalam bahasa Iban.

Menurut Gumperz (1972), percampuran kod sering terjadi dalam latar situasi yang berbeza dan hal ini juga berlaku pada soalan 18 dan 20 kerana adanya kunjungan tetamu dari luar yang bukan penutur natif bahasa Bhuket. Perubahan kod atau beralih kod bahasa percakapan ini membuktikan betapa sukarnya pihak luar untuk menguasai bahasa Bhuket. Walau bagaimanapun etnik Bhuket boleh menguasai bahasa-bahasa etnik lain terutama Kenyah, Kayan, Melayu dan Iban dengan baik. Menurut Hymes (1972), kehadiran komuniti luar mewujudkan perubahan dan peralihan kod ketika berkomunikasi dengan pilihan bahasa yang lebih terbuka. Pengkaji mendapati beberapa perkataan seperti tingkap [havuN], tidur [turoy], tajam [ʃait], senyum [g↔gumiN], tali [tulu] dan tarik [maruk] membuktikan perkataan ini sering digunakan dalam komunikasi mandala ini.

Jadual 4.7: Peratus Pemilihan Bahasa Bhuket dalam Mandala Kemasyarakatan

Mandala	BKT	BKH	BKN	BM	BIB
----------------	------------	------------	------------	-----------	------------

Kemasyarakatan	89.6 %	3.5 %	2.6 %	1.4 %	0.7%
-----------------------	--------	-------	-------	-------	------

Dapatan berdasarkan mandala kemasyarakatan jelas menunjukkan bahawa bahasa Bhuket masih lagi diterima sepenuhnya. Berdasarkan Jadual 4.7 data menunjukkan pemilihan bahasa Bhuket sebanyak 89.6% membuktikan hidup secara berkelompok dalam rumah panjang dan hubungan erat serta perkahwinan sesama sendiri yang tinggi menyumbang kepada dapatan ini. Bahasa Kenyah pula, hanya membentuk 3.5%, bahasa Kayan 2.5 %, bahasa Melayu 1.4% dan bahasa Iban 0.7%. Latar kemasyarakatan yang mementingkan nilai hormat dan sopan masih diamalkan dengan meluas dalam masyarakat Bhuket.

Mandala Keagamaan

Jadual 8: Pemilihan Bahasa Bhuket dalam Mandala Keagamaan

Nombor soalan dan soalan		BKT	BKH	BKN	BM	BIB	Bil. / (%)	Jumlah Responden
21.	Ketika mesyuarat keagamaan dan perayaan etnik Bhuket.	120	-	-	-	-	Bil.	120
		100	-	-	-	-	(%)	100%
22.	Ketika berdoa secara senyap	120					Bil.	120
		100					(%)	100%
23.	Ketika berbual dalam majlis keagamaan di gereja.	115	2	2	1	-	Bil.	120
		95.8	1.6	1.6	0.8	-	(%)	100%
24.	Ketika majlis kematian / pengebumian	114	3	3	-	-	Bil.	120
		95.0	2.5	2.5	-	-	(%)	100%
25.	Kebanyakan peralatan keagamaan atau sembahyang disebut dalam bahasa	40	-	-	80	-	Bil.	120
		33.3	-	-	66.6		(%)	100%

BKT- Bahasa Bhuket, BKH- Bahasa Kenyah, BKN- Bahasa Kayan, BM- Bahasa Melayu, BIB- Bahasa Iban

Mandala keagamaan merupakan mandala kedua yang menjadi benteng terpenting dalam menentukan kelestarian sesuatu bahasa selepas mandala kemasyarakatan. Pada awal tahun 1970 gerakan dakwah Kristian telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menyebarkan dakwah mereka kepada penduduk di kawasan Belaga. Akhirnya pada tahun 1974 etnik Bhuket telah menerima agama Kristian dan tidak lagi mengamalkan kepercayaan lama atau adat Amoi. Mereka menganuti agama Kristian Katolik dan Sidang Injil Borneo (SIB).

Item 21 dan item 22, menjelaskan pemilihan bahasa Bhuket ialah 100% responden menggunakan bahasa Bhuket ketika bermesyuarat hal-hal yang berkaitan dengan keagamaan yang dihadiri oleh etnik Bhuket sahaja. Manakala ketika berdoa senyap juga data menunjukkan 100% memilih bahasa Bhuket. Hal ini, disebabkan penggunaan bahasa Bhuket mampu menyampaikan kehendak dan rasa naluri sebenar tentang apa yang dipohon. Keadaan akan berubah jika doa dipimpin oleh paderi. Hasil dapatan pengkaji, upacara sembahyang etnik Bhuket dipimpin oleh paderi yang berbangsa Kayan atau Kenyah kerana belum ada lagi paderi dari keturunan Bhuket. Manakala pada item 23 dan item 24 memperlihatkan terdapatnya pemilihan bahasa Kenyah dan Kayan dalam urusan agama di gereja. Biasanya upacara keagamaan di gereja dijalankan dalam bahasa Melayu. Khutbah yang disampaikan juga menggunakan bahasa Melayu sesuai dengan penggunaan kitab Injil dalam cetakan bahasa Melayu versi Indonesia.

Item 25 pula menjelaskan bahasa Melayu digunakan secara meluas dalam gereja. Penggunaan bahasa Melayu begitu dominan disebabkan kitab Injil mereka adalah dalam bahasa Melayu versi Indonesia yang digunakan dalam upacara sembahyang. Ketika nyanyian lagu-lagu kerohanian juga bahasa Melayu digunakan secara meluas. Keadaan ini telah lama berlaku sejak awal penerimaan agama Kristian lagi. Walau bagaimanapun bahasa Melayu yang digunakan adalah bahasa Melayu Indonesia contohnya perkataan bisa (boleh), kerana (kerana), membutuhkan (memerlukan), pengumpulan (masalah), perbezaan (perbezaan) amen (amin) dan lewat (melalui).

Jadual 9: Peratus pemilihan Bahasa Bhuket dalam Mandala Keagamaan

Mandala Keagamaan	BKT	BKH	BKN	BM	BIB
	87.3 %	0.7 %	0.7 %	11.2 %	-

Berdasarkan analisis mandala keagamaan pengkaji mendapati pemilihan bahasa Bhuket seperti pada Jadual 9 masih lagi dominan dan tersebar luas iaitu sebanyak 87.3% yang merupakan jumlah yang masih utuh. Pemilihan bahasa Kenyah dan bahasa Kayan agak terhad kerana hanya membentuk 1.4% sahaja dan bahasa Melayu pula membentuk 11.25% seperti diperjelas sebelum ini. Penggunaan bahasa Melayu banyak disumbangkan oleh

Nombor soalan dan soalan	BKT	BKH	BKN	BM	BIB	BC	BI	Bil. / (%)	Jum. Info.
26 Kebanyakan ibu bapa lebih menggalakkan anak-anak berkomunikasi dalam bahasa	120	-	-	-	-			Bil	120
	100	-	-	-	-			%	100%
	-	13	25	24	4			Bil	66

27	Kebanyakan anak-anak atau cucu-cucu saya boleh berkomunikasi dalam bahasa lain seperti	-	19.6	37.8	36.3	6.0			%	100%
28	Jika diberi peluang bahasa lain yang saya ingin pelajari ialah	-	-	-	93	-	9	18	Bil	120
		-	-	-	77.5	-	7.5	15.0	%	100%
29	Ketika berkomunikasi dengan orang yang tidak dikenali.	-	-	37	83	-	-	-	Bil	120
		-	-	30.8	69.1	-	-	-	%	100%
30	Ketika membincang perkara peribadi dengan kawan rapat.	120								120
		100								100%
31	Untuk mendapat pekerjaan yang baik kita harus menguasai bahasa	-	-	-	95	25	-	-	Bil	120
		-	-	-	79.1	20.8	-	-	%	100%
32	Pada keseluruhannya masyarakat Bhuket harus menggunakan bahasa.....	120	-	-	-	-	-	-	Bil.	120
		100	-	-	-	-	-	-	%	100%
33.	Pada keseluruhannya hal yang berkaitan agama, adat resam dan jampi serapah harus menggunakan bahasa.....	120	-	-	-	-	-	-	Bil.	120
		100	-	-	-	-	-	-	%	100%
34	Sebenarnya saya lebih selesa bercakap dalam bahasa.....	120	-	-	-	-	-	-	Bil.	120
		100	-	-	-	-	-	-	%	100%

pengaruh penggunaan kitab Injil, nyanyian lagu kerohanian dan penyampaian khutbah dalam bahasa Melayu.

Mandala Kendiri

Jadual 10: Pemilihan Bahasa Bhuket dalam Mandala Kendiri

BKT- Bahasa Bhuket, BKH- Bahasa Kenyah, BKN- Bahasa Kayan, BM- Bahasa Melayu, BIB- Bahasa Iban, BC- Bahasa Mandarin, BI- Bahasa Inggeris.

Mandala sendiri merupakan mandala yang paling penting bagi pengkaji untuk menentukan tahap dan lestariannya sesuatu bahasa lebih-lebih lagi bahasa yang bersifat minoriti terpencil ini. Mandala sendiri merupakan cerminan dan terjemahan sikap sebenar pengguna bahasa terhadap upaya bahasa mereka. Sikap positif terhadap bahasa ibunda tanpa rasa prejudis akan

memastikan sesuatu bahasa mampu terus bertahan dan berkembang. Menurut Asmah (2002), sikap positif akan memastikan sesebuah bahasa terus berkembang. Berdasarkan mandala sendiri ini pengkaji telah memilih 9 item yang memerlukan jawapan yang jujur dari hati naluri pengguna bahasa Bhuket.

Sikap ibu bapa yang menggalakkan anak-anak mereka bertutur atau berkomunikasi dalam bahasa Bhuket merupakan sesuatu yang sangat positif. Ibu bapa memainkan peranan utama dalam membentuk dan mencorakkan bahasa anak mereka. Pada item 26, 100% responden menggalakkan anak mereka bercakap dalam bahasa Bhuket. Di samping boleh menguasai bahasa Bhuket kanak-kanak etnik Bhuket juga boleh menguasai sekurang-kurangnya 3 bahasa lain, iaitu bahasa Kayan, bahasa Melayu dan bahasa Kenyah. Kemampuan menguasai bahasa etnik lain memberi kelebihan kepada mereka untuk memilih bahasa yang sesuai apabila berinteraksi dengan pelbagai latar masyarakat di Belaga. Oleh itu, penguasaan bahasa Kayan sangat diutamakan kerana peranannya sebagai bahasa pengantara di Daerah Belaga. Tekanan daripada bahasa yang lebih dominan bukanlah ancaman terhadap bahasa Bhuket tetapi sebagai pelengkap untuk memudahkan mereka berkomunikasi dengan pelbagai etnik. Menurut Saville dan Troike (1982), seseorang yang dapat berkomunikasi dengan baik apabila mengetahui tentang bahasa serta memahami budaya dan latar bahasa etnik yang lain.

Oleh itu, dapatan ini juga selari dengan item 30 yang menjelaskan bahawa bahasa Buket digunakan secara menyeluruh dalam membicarakan perkara-perkara peribadi. Hal ini disebabkan bahasa Bhuket mampu menyampaikan sesuatu yang sulit dengan lebih berkesan. Keputusan pemilihan bahasa Bhuket juga mencapai tahap 100% pada item 32 iaitu perkara yang berkaitan dengan masa depan dan lestariannya bahasa Bhuket iaitu keputusan sama ada bahasa Bhuket wajar digunakan dalam komunikasi sesama etnik Bhuket.

Pengguna bahasa atau etnik Bhuket juga bersetuju bahawa perkara yang berkaitan dengan agama, adat dan perubatan tradisional wajar menggunakan bahasa Bhuket. Kesemua responden menjawab dan memilih bahasa Bhuket lagi item 32. Perkara yang berkaitan dengan agama dan adat merupakan identiti sesuatu etnik wajar dipelihara. Amalan turun-temurun khususnya berkaitan dengan adat sudah pastinya begitu sinonim dengan latar kehidupan masyarakat. Keadaan rumah panjang yang jauh dari bandar dan arus pemodenan menjadikan nilai ini semakin penting.

Item 34 merupakan manifestasi sikap sebenar etnik Bhuket terhadap rasa sayang dan menghargai bahasa mereka, 100% responden memilih untuk bercakap dalam bahasa Bhuket. Jawapan ini pastinya memberikan satu gambaran yang jelas bahawa bahasa Bhuket boleh bertahan kerana sikap positif penuturnya. Pengaruh bahasa yang lebih dominan seperti bahasa

Kayan, Melayu dan Kenyah tidak menghalang bahasa Bhuket terus relevan dalam perkembangan tamadun dan peradaban manusia.

Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar dalam pendidikan pastinya mempunyai nilai tersendiri. Pada item 28, 77.5% responden etnik Bhuket berminat untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik kerana mereka menyedari bahasa Melayu merupakan bahasa perhubungan utama apabila berurusan dengan masyarakat luar terutama masyarakat luar Daerah Belaga. Hal ini boleh dijelaskan pada item 29 iaitu, 69.7% responden etnik Bhuket berhubung dengan orang yang tidak dikenali dalam bahasa Melayu dan hanya 30.8% mereka menggunakan bahasa Kayan.

Bagi penduduk daerah Belaga, bahasa Kayan merupakan bahasa pengantara utama, walau bagaimanapun bahasa Melayu akan mengambil tempat jika berinteraksi dengan orang luar. Walau bagaimanapun wujud keinginan dalam kalangan 7.5% responden etnik Bhuket untuk menguasai bahasa Mandarin. Hal ini dipengaruhi oleh wujudnya ladang-ladang dan kedai-kedai runcit yang dimiliki oleh golongan peniaga Cina. Bagi mereka, penguasaan bahasa Mandarin memudahkan lagi mereka berurusan dan mencari peluang pekerjaan, 18% dalam kalangan etnik Bhuket memilih mempelajari bahasa Inggeris. Kebanyakan pelajar sekolah menengah daripada kumpulan BKT 1 memilih jawapan ingin menguasai bahasa Inggeris kerana mereka sedar bahawa bahasa Inggeris mampu membawa mereka lebih jauh lagi dalam sektor pekerjaan.

Landskap kehidupan mereka yang sebelum ini dikelilingi oleh hutan yang tebal dan sungai yang panjang telah berubah setelah berlakunya penempatan penduduk ke Sungai Asap. Di sini, mereka terdedah kepada dunia baharu. Pelbagai kemudahan seperti bekalan elektrik, air paip terawat, kemudahan jalan raya, kemudahan internet dan penggunaan parabola serta astro membuka minda serta terdedah kepada dunia luar. Oleh itu, pada item 31, 79.1% responden memilih untuk mendapat pekerjaan perlu menguasai bahasa Melayu, manakala 20.8% memilih penguasaan bahasa Inggeris. Senario ini memberikan gambaran bahawa telah wujud satu dimensi baharu dalam masyarakat etnik Bhuket kerana sebelum ini mereka hanya dibayangi oleh pekerjaan di kem-kem balak dan berkebun tetapi mereka telah mula mengintai peluang pekerjaan di luar kongkongan minda lama mereka.

Jadual 11: Peratus Pemilihan Bahasa Bhuket Mandala Kendiri

Mandala	BKT	BKH	BKN	BM	BIB	BC	BI
----------------	------------	------------	------------	-----------	------------	-----------	-----------

Kendiri	55.5%	2.2%	8.1%	29.3 %	-	0.83%	2.3%
----------------	-------	------	------	-----------	---	-------	------

Jadual 11 menjelaskan peratusan pemilihan bahasa dalam mandala sendiri. Jika di kaji secara sepintas lalu pastinya timbul kerisauan tentang pemilihan bahasa Bhuket sekadar 55.5% sahaja sedangkan pengkaji menjelaskan bahawa mandala ini merupakan mandala yang sangat penting bagi memastikan kelestarian bahasa Bhuket. Perlu diperjelas bahawa daripada 9 item yang dikemukakan 3 daripadanya tidak memilih bahasa Bhuket sebagai jawapan pilihan. Oleh itu, jika diambil kira faktor ini dengan memilih 6 sahaja soalan yang di analisis maka 83.3% dalam kalangan responden memilih bahasa Bhuket. Pengkaji mendapati beberapa contoh perkataan yang kerap digunakan dalam mandala sendiri seperti aku [jek], awak [kok], belok [pekale], berdiri [n←*kariN], daging [asin], gembira [mara], hari [alo], hitam [Niyak], jalan [taduN], kepala [utok] dan sila rujuk lampiran I.

Pastinya kelestarian bahasa Bhuket masih mampu bertahan. Kedudukan bahasa Melayu yang mencapai tahap 29.3% banyak dipengaruhi oleh pilihan pelajar sekolah dalam keperluan peluang pekerjaan dan berurusan dengan orang luar tetapi bukan mengambil tempat bahasa Bhuket sebagai bahasa utama mereka di rumah panjang. Hal ini juga berlaku terhadap bahasa Inggeris 2.3% dan bahasa Mandarin 0.83%. Pemilihan bahasa Kenyah 2.2% dan bahasa Kayan 8.1% menunjukkan kedua-dua bahasa ini sering terlibat dalam komunikasi harian penduduk etnik Bhuket.

Kesimpulan

Pemilihan lima mandala oleh pengkaji yang mempunyai hubungan terhadap penentuan tahap dan kedudukan bahasa Bhuket Perkara utama yang di analisis oleh pengkaji ialah sikap pemilihan bahasa dalam kalangan penutur natif etnik ini. Analisis sikap ini adalah untuk mengidentifikasikan jangka hayat bahasa tersebut. Pengenalpastian ini untuk mengidentifikasikan tahap kepupusan dan pelestariannya bahasa Bhuket berdasarkan enam tata tingkat Grimes (2000) iaitu bermula dengan tahap kritikal dan nazak (critically endangered), kedua tahap sakit parah (severely endangered), tahap ketiga terancam punah (endangered), tahap keempat terhakis (eroding), tahap kelima iaitu bertahan tetapi jumlah sedikit (stable but threatenend) dan tahap keenam ialah tidak mengalami ancaman kepunahan.

Berdasarkan enam tata tingkat ini jelas menunjukkan bahasa Bhuket berada pada tahap keenam iaitu tidak mengalami ancaman kepunahan. Pengkaji mengenal pasti bahasa etnik ini mempunyai sikap penutur bahasa yang begitu positif terhadap kemampuan dan upaya bahasa mereka dalam komunikasi harian. Tidak wujud rasa rendah diri dan curiga terhadap bahasa mereka walaupun berada dalam kalangan penutur bahasa yang minoriti di penempatan penduduk Sungai Asap, Belaga.

Pengkaji mendapati mandala sendiri dan mandala keluarga merupakan dua mandala yang sangat berpengaruh dalam memastikan kelestarian bahasa Bhuket. Hal ini berkaitan langsung dengan pembentukan sikap positif penutur natif bahasa kerana mandala sendiri lebih bersifat peribadi. Apa pun pendekatan yang dicadangkan, jika mandala sendiri menjurus kepada pembentukan sikap negatif penutur natif, maka sesuatu bahasa tersebut tidak mampu terus lestari dan berkembang seiring dengan perubahan dan arus pemodenan.

Mandala keluarga pula merupakan institusi awal pembentukan sikap positif penutur. Keluarga diertikan sebagai pencorak utama dalam menentukan kesinambungan dan pewarisan sesuatu khazanah terutamanya khazanah bahasa. Nilai menyanjung adat dan budaya etnik begitu kuat sekali dalam rutin harian dalam kalangan etnik Bhuket. Pengkaji mengenal pasti tanpa adanya peranan ibu bapa sebagai ketua keluarga yang membentuk aliran dan pemilihan bahasa dalam keluarga pastinya bahasa Bhuket tidak mampu bertahan dan terus lestari. Ikatan kekeluargaan yang akrab dalam kalangan penutur natif etnik ini menjurus pembentukan sikap positif dan rasa hormat terhadap bahasa mereka. Sikap ini telah dibentuk sejak sekian lama dalam masyarakat Bhuket kerana pembuktiannya dapat dijelaskan melalui kefasihan semua responden menggunakan bahasa ibunda mereka.

Bibliografi

- Antonio J. Guerreiro.(1987). *The Lahanan: Some Notes On The History Of A Kajang Group*.
The Sarawak Jurnal, July 1987, 17-28.
- Asmah Hj Omar. (1988). *Bahasa Laporan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cooper, R.L dan Fishman, J.A (1977). “*The Study of Language Attitudes*” dlm IJSL, No.3.
Mouton: The Hague.
- Fishman, JA, (1972). *Domains and the Relationship between Micro and Macro Sociolinguistic*. Dlm Gumperz, J.J. and Hymes. 1972, *Directions in Sociolinguistic, the Ethnography of Communication*, New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc, hlm. 435-454.
- Fishman, JA, (1972). *Domains and the Relationship between Micro and Macro Sociolinguistic*. Dlm Gumperz, J.J. and Hymes. 1972, *Directions in Sociolinguistic, the Ethnography of Communication*, New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc, hlm. 435-454.
- Giglioli (1990). *Language and Social Context*. London : Pinguin Books.
- Golembeski, D.J. (1999). *French Language Maintenance in Ontario, Canada: Sociolinguistics Potrait of the community of Hearts*. Tesis Phd. Indiana University.
- Kuper & Kuper (1996). *The Social Science Encyclopedia*. London : Routledge.
- Peccei, Jean Stilwell (1999). *Language and Age. Dalam Linda Thomas dan Shan Wareing (Eds). Language, Society and Power*. New York: Routledge.
- Spradley, James P. (1997). (Terjemahan Elizabeth, Misbah Zulfa). *Metode Etnografi*. Yogyakarta : Tiara Wacana.
- Weinreich, Uriel (1986). *Language Contact : Findings and Problems* . The Hauge : Moutun.